




# ***PENGENALAN***

**PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIK TARAF  
SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH  
*INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS)  
TAHUN 2017 DAN TAHUN 2018**

---

***OLEH :***

***Ir. SUHAILA BT HJ SUBOH  
BAHAGIAN PENGURUSAN PROJEK 1  
CAWANGAN KERJA PENDIDIKAN  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA***

1. Pengenalan

2. Skop Projek

3. Analisa


- i. Kaedah Perolehan & Pelaksanaan
- ii. Kontraktor/Pembekal IBS
- iii. Tempoh
- iv. Kos

4. Kesimpulan

5. *Way Forward*

1. Projek sekolah daif menggunakan kaedah IBS mula dilaksanakan oleh JKR Malaysia pada tahun 2017
2. Projek merupakan ***touch point*** kepada rakyat dengan skop penggantian bangunan uzur serta bangunan tambahan
3. Pada 2017, JKR Malaysia telah siapkan 20 sekolah daif iaitu 5 buah di Johor, 4 buah di Melaka, 5 buah di Negeri Sembilan dan 6 buah di Pahang dengan kos projek RM24.5 juta
4. Bajet 2018 umumkan peruntukan RM2.5 Billion, RM500 juta di Semenanjung, RM1 billion masing-masing di Sabah & Sarawak bagi pelaksanaan sekolah daif untuk tempoh 2 tahun, Fasa 1 (2018) dan Fasa 2 (2019)
5. Bagi fasa 1, JKR Malaysia dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek sekolah daif di Semenanjung Malaysia. Bagi Sabah dan Sarawak, JKR Malaysia sebagai Pengurus Program di mana JKR Sabah dan JKR Sarawak sebagai Agensi Pelaksana
6. Bagi Fasa 1, JKR Malaysia laksana 158 buah sekolah daif bagi 12 negeri di Semenanjung Malaysia, 37 buah di Sabah dan 50 buah di Sarawak dengan kos masing-masing RM245 juta, RM164 juta dan RM130 juta. Jumlah sekolah seluruh negara adalah 245 buah dengan kos berjumlah RM539 juta

# STRUKTUR ORGANISASI PELAKSANAAN PROJEK



## CAW PAKAR JKR:

- CKAS
- CA
- CKUB
- CKM
- CKE
- CKG

| BIL | NEGERI/SEKOLAH                           | BIL. SEKOLAH | SKOP (BIL.) |             |               |
|-----|------------------------------------------|--------------|-------------|-------------|---------------|
|     |                                          |              | BD          | BILIK SAINS | TANDAS (BLOK) |
| 1   | JOHOR (PAKEJ 1)                          | 4            | 18          | 0           | 3             |
| 2   | MELAKA (PAKEJ 2)                         | 4            | 38          | 0           | 4             |
| 3   | N. SEMBILAN (PAKEJ 3)                    | 5            | 34          | 0           | 6             |
| 4   | PAHANG (PAKEJ 4)                         | 6            | 16          | 0           | 1             |
|     | JUMLAH                                   | 19           | 106         | 0           | 14            |
| 5   | SK PASIR GUDANG 2, JOHOR<br>BAHRU, JOHOR | 1            | *           | *           | *             |
|     | JUMLAH                                   | 20           | 107         | 0           | 14            |

- Nota: *Bagi projek SK Pasir Gudang 2, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mohon skop khas untuk dilaksanakan iaitu selain daripada bilik darjah (1 BD), skop lain adalah 3 Bilik Darjah Khas (OKU), 1 Bilik Darjah Pra Sekolah, 1 Ruang Makan Pra Sekolah, Dapur, Tandas Pra Sekolah, Tandas (2 unit), Tandas OKU (2 unit), Bilik Stor dan Bilik SSB.*

## SEMENANJUNG MALAYSIA

| BIL    | NEGERI          | BIL. SEKOLAH | SKOP (BIL.) |             |               | BIL. PAKEJ |
|--------|-----------------|--------------|-------------|-------------|---------------|------------|
|        |                 |              | BD          | BILIK SAINS | TANDAS (BLOK) |            |
| 1      | PERLIS          | 1            | 5           | 0           | 1             | 1          |
| 2      | PULAU PINANG    | 3            | 20          | 0           | 2             | 1          |
| 3      | KEDAH           | 34           | 168         | 4           | 21            | 6          |
| 4      | PERAK           | 8            | 50          | 0           | 4             | 2          |
| 5      | SELANGOR        | 16           | 96          | 0           | 11            | 5          |
| 6      | NEGERI SEMBILAN | 12           | 61          | 0           | 13            | 3          |
| 7      | MELAKA          | 10           | 109         | 0           | 10            | 2          |
| 8      | JOHOR           | 17           | 96          | 0           | 3             | 4          |
| 9      | PAHANG          | 7            | 32          | 0           | 2             | 1          |
| 10     | TERENGGANU      | 15           | 100         | 0           | 0             | 5          |
| 11     | KELANTAN        | 34           | 225         | 2           | 20            | 7          |
| 12     | W.P LABUAN      | 1            | 2           | 1           | 1             | 1          |
| JUMLAH |                 | 158          | 964         | 7           | 88            | 38         |

## SABAH & SARAWAK

| BIL    | NEGERI  | BIL. SEKOLAH | SKOP (BIL.) |             |               |             |               | BIL. PAKEJ |
|--------|---------|--------------|-------------|-------------|---------------|-------------|---------------|------------|
|        |         |              | BD          | BILIK SAINS | ASRAMA (BLOK) | DEWAN MAKAN | TANDAS (BLOK) |            |
| 1      | SABAH   | 37           | 277         | 37          | -             | -           | 42            | 12         |
| 2      | SARAWAK | 50           | 294         | 7           | 12            | 6           | 7             | 13         |
| JUMLAH |         | 87           | 571         | 44          | 12            | 6           | 49            | 25         |

## BUTIRAN PELAKSANAAN PROJEK TAHUN 2018

### SEMENANJUNG

- Kaedah Pelaksanaan: Konvensional Dalamam
- Kaedah Perolehan: Tender Terhad/Terbuka
- 80 senarai kontraktor G7
- Dilaksanakan oleh JKR Malaysia
- Rekabentuk JKR
- 158 buah Sekolah

### JKR SARAWAK

- Kaedah Pelaksanaan: Konvensional Dalamam
- Kaedah Perolehan: Rundingan Terus
- 13 senarai kontraktor G6/G7
- Rekabentuk JKR
- 50 buah sekolah

### JKR SABAH

- Kaedah Pelaksanaan: Konvensional Dalamam
- Kaedah Perolehan: Rundingan Terus
- 12 senarai kontraktor G7
- Rekabentuk JKR
- 37 buah sekolah

## KONTRAKTOR/PEMBEKAL IBS

1. Bagi tahun 2017, 4 pembekal IBS dilantik untuk melaksanakan projek secara Tender Terhad.
2. Bagi tahun 2018, di Semenanjung Malaysia, 34 kontraktor gred G7 dilantik melalui Tender Terhad. Dua (2) kontraktor Gred G5 dan 2 kontraktor Gred G4 dilantik secara Tender Terbuka.
3. Bagi Sabah, 12 kontraktor gred G7 dan di Sarawak, 11 kontraktor gred G7 serta 2 kontraktor gred G6 dilantik melalui Rundingan Terus.
4. MOF telah menyenaraikan kontraktor/pembekal IBS daripada kelas yang tinggi (gred G6 dan G7) bagi kaedah perolehan secara Tender Terhad dan Rundingan Harga. Pelaksanaan projek sekolah daif secara berpakej (mengikut daerah/zon) memerlukan kontraktor berkeupayaan kewangan yang tinggi.

## Tahun 2017

1. Tempoh penyiapan yang terbaik adalah antara 2 ke 3 bulan bagi kaedah perolehan secara Tender Terhad dengan menggunakan pembekal IBS. Namun tempoh purata adalah antara 4 ke 5 bulan .

## Tahun 2018

1. Kaedah perolehan secara Tender Terhad dengan kelas kontraktor lebih tinggi adalah terbaik dengan tempoh purata penyiapannya selama 5 ke 6 bulan.
2. Di kalangan kontraktor/pembekal IBS, didapati pembekal IBS adalah terbaik tempoh penyiapannya iaitu 4 ke 5 bulan.
3. Di kalangan kontraktor, kontraktor gred G7 samada melalui Tender Terhad atau Rundingan Terus adalah yang terbaik tempoh penyiapannya dibanding kontraktor gred G6 (Rundingan Terus) dan gred G4/G5 (Tender Terbuka).

# TURUTAN KAEDAH PEMBINAAN

## Step 1 : Base Slab (14 Days)



## Step 2 : Column and Beam (3 Days)



## Step 3 : Aluminium Frame (4 Days) & Cold Formed Steel Roof Trusses (7 Days)



## Step 4 : Roof Covering (Metal Deck) - (2 Days)



## Step 5 : Fibre Cement Board - (8 Days)



Keseluruhan Siap Dalam Masa 38 Hari

# SKOP PEMBINAAN PROGRAM



# REKABENTUK YANG TERLIBAT

- **BILIK DARJAH**

- Atas tanah (2BD, 3BD)- Jenis A
- Bertiang 1.2m (2BD, 3BD)- Jenis B
- Bertiang 3.0m (2BD, 3BD)- Jenis C

- **TANDAS SEKOLAH**

- Atas Tanah
- Bertiang 1.1m

- **BILIK GURU (Baru 2018)**

- Atas tanah (5Bay, 8Bay) – Jenis A
- Bertiang 1.2m (5Bay, 8Bay) – Jenis B
- Bertiang 3.0m (5Bay, 8Bay) – Jenis C

- **BILIK SAINS (Baru 2018)**

- Atas tanah
- Bertiang 1.2m
- Bertiang 3.0m

- **ASRAMA (Baru 2018)**

- Atas Tanah (2Modul, 3Modul) – Jenis A
- Bertiang 1.2m (2Modul, 3Modul) – Jenis B
- Bertiang 3.0m (2Modul, 3Modul) – Jenis C

- ▶ **TANDAS ASRAMA (Baru 2018)**


- ▶ Atas Tanah
- ▶ Bertiang 1.1m

- ▶ **TANGKI AIR**

- ▶ **KERJA- KERJA SIVIL**

# REKA BENTUK PIAWAI JKR

Cold Formed Steel  
Roof Trusses



Fibre Cement  
Board 100mm thk  
c/w Glasswool

Steel Beam  
Square Hollow Section  
(SHS) 120mmx120mmx5mm thk

Steel Column  
Square Hollow Section (SHS)  
120mmx120mmx5mm thk

# Bilik Darjah Atas Tanah



# TANGKI AIR





# SKOP KERJA SIVIL

- KERJA TANAH
- SISTEM SALIRAN
- SISTEM PEMBENTUNGAN
- SISTEM JALAN DALAMAN
- SISTEM AIR RETIKULASI
- SISTEM PENYALIRAN AIR HUJAN

## KOS PROJEK

1. Purata kos projek per bilik darjah dan kos projek/m<sup>2</sup> di Sabah dan Sarawak (termasuk di W.P Labuan) adalah lebih 2 ke 3 kali ganda daripada di Semenanjung Malaysia.
2. Lokasi sekolah yang jauh di pendalaman antara faktor yang menyebabkan kos projek tinggi di Sabah dan Sarawak.

## STATUS KEMAJUAN KERJA (sehingga 15 Januari 2019)

### **Semenanjung Malaysia**

- i. Siap Pembinaan : 153 sekolah (97%)
- ii. Belum siap : 4 sekolah (Pakej 5 (Pendang), Kedah)
- iii. Kontrak Ditamatkan : 1 sekolah (Labuan)  
(Projek sedang dalam proses tender semula)
- vii. Jangka Siap Semua : Akhir Januari 2019 (kecuali projek di Labuan)

Nota:

SST telah dikeluarkan daripada 23 Februari 2018 sehingga 17 April 2018 untuk 38 Pakej kontrak di Semenanjung melibatkan 158 sekolah dengan kos kontrak sebanyak RM227.21 juta.

## STATUS KEMAJUAN KERJA (sehingga 15 Januari 2019)

### **Sabah**

- i. Siap Pembinaan : 37 sekolah (100%)

Nota:

SST telah dikeluarkan sehingga 21 Februari 2018 untuk 12 Pakej (12 kontraktor) di Negeri Sabah melibatkan 37 sekolah dengan kos kontrak sebanyak RM163.44 juta.

### **Sarawak**

- i. Siap Pembinaan : 50 sekolah (100%)

Nota:

SST telah dikeluarkan sehingga 21 Februari 2018 untuk 13 Pakej (13 kontraktor) di Negeri Sarawak melibatkan 50 sekolah dengan kos kontrak sebanyak RM138.45 juta.

BILIK DARJAH



JENIS A

## JENIS B



## JENIS C



## TANDAS



JENIS A



JENIS B

## LALUAN BERBUMBUNG



## KERJA-KERJA LUAR



TANGKI AIR



DATARAN KEJAT

## KERJA-KERJA LUAR



GABION WALL

TURFING



## SISTEM ALTERNATIF OLEH PEMBEKAL IBS

### CASTWELL INDUSTRIES (M) SDN. BHD.



SMK Tun Haji Abdul Malek, Melaka

## SISTEM ALTERNATIF OLEH PEMBEKAL IBS

### CASTWELL INDUSTRIES (M) SDN. BHD.



SMK Bukit Rambai, Melaka



SK Durian Tunggal, Melaka



**SEKIAN, TERIMA KASIH**





**PROGRAM PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIK  
TARAF SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH  
*INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS)***

***LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
(LKAN)  
BIL.2 TAHUN 2017***

## LATAR BELAKANG

- JAN telah melaksanakan audit bagi Projek Sekolah Daif daripada Julai 2018 sehingga September 2018.
- Auditee yang terlibat di JKR:
  - i. Ibu Pejabat JKR Malaysia ( CKP, CKBA1, CKUB)
  - ii. JKR Selangor
  - iii. JKR Kedah
  - iv. JKR Kelantan
  - v. JKR Sabah
- Objektif pengauditan oleh JAN adalah untuk menilai sama ada projek yang telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan;
- Skop utama pengauditan adalah PRESTASI PROJEK dan PENGURUSAN PROJEK;

## Sambungan... LATAR BELAKANG

- *Exit Conference* telah diadakan pada 18hb Oktober 2018 di KPM;
- LKAN telah dibentangkan di Parlimen pada 3hb Disember 2018 (**sebanyak XX** isu yang telah dikenalpasti di pihak JKR);
- Setelah JKR dan KPM memberi maklumbalas mengenainya, maklumat untuk isu yang masih belum selesai dipaparkan di Paparan AG's Dashboard Yang Berstatus Dalam Tindakan (Kuning) – (sebanyak 9 isu yang masih belum selesai di pihak JKR).
- Bahagian Susulan Audit, JAN sedang membuat pemantauan terhadap isu yang masih belum selesai di Paparan AG's Dashboard; dan
- Satu mesyuarat penyelarasan maklumbalas bagi isu yang masih belum selesai telah diadakan di antara pihak JKR, KPM dan BSA pada 28 Disember 2018 dan isu yang masih dalam tindakan telah dibawa ke JTLKAN.

# ISU-ISU YANG TELAH DILAPORKAN OLEH PASUKAN AUDIT DALAM LKAN BIL.2/2017

| TAJUK KAJIAN                                                                                                                                      | PERENGKAN | ISU YANG<br>DIBANGKITKAN | KEMENTERIAN |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|--------------------------|-------------|
| Pengurusan Projek<br>Pembinaan Semula<br>dan Menaiktaraf<br>Sekolah Daif<br>Menggunakan Kaedah<br><i>Industrialised Building<br/>System</i> (IBS) |           | <i>RUJUK LAMPIRAN</i>    |             |

*\*Isu-isu yang akan dibincangkan dalam bengkel ini.*

## ISU-ISU YANG TELAH DIPAPARKAN DALAM PAPARAN AG's DASHBOARD

| TAJUK KAJIAN                                                                                                                   | PERENGKAN        | ISU YANG DIBANGKITKAN                                                               | KEMENTERIAN |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|-------------------------------------------------------------------------------------|-------------|
| Pengurusan Projek Pembinaan Semula dan Menaiktaraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah <i>Industrialised Building System</i> (IBS) | 13.6.1.1.(a)     | Projek lewat siap.                                                                  | KPM/JKR     |
|                                                                                                                                | 13.6.1.1.(b)     | Lewat keluar CPC.                                                                   | JKR         |
|                                                                                                                                | 13.6.1.2         | Salahguna fungsi bilik/ruang.                                                       | KPM/JKR     |
|                                                                                                                                | 13.6.2.2         | Kelewatan mendapatkan Kebenaran Merancang                                           | KPM/JKR     |
|                                                                                                                                | 13.6.2.3.(b),(c) | Pelantikan Kontraktor yang tidak layak & penutupan NCR yang ambil masa terlalu lama | JKR         |
|                                                                                                                                | 13.6.2.4.(a).ii  | Kelewatan mengeluarkan EOT atau CNC                                                 | KPM/JKR     |
|                                                                                                                                | 13.6.2.6.(c)     | Kualiti pembinaan                                                                   | JKR         |
|                                                                                                                                | 13.6.2.7         | Pemantauan projek                                                                   | KPM/JKR     |

# ISU-ISU YANG TELAH DIBANGKITKAN DALAM JAWATANKUASA TINDAKAN LKAN (JTLKAN) PADA 18 JANUARI 2019

| TAJUK KAJIAN                                                                                                                   | PERENGKAN   | ISU YANG DIBANGKITKAN                                            | KEMENTERIAN |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------------------------------------------------------|-------------|
| Pengurusan Projek Pembinaan Semula dan Menaiktaraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah <i>Industrialised Building System</i> (IBS) | 13.6.2.4.a  | Tarikh Masuk Tapak Sebelum Surat Setuju Terima Dikeluarkan       | KPM         |
|                                                                                                                                | 13.6.2.6.c  | Kualiti Pembinaan                                                | KPM/JKR     |
|                                                                                                                                | 13.6.1.b.iv | Status Kemajuan Kerja Yang Dilaporkan oleh Perunding Tidak Tepat | KPM         |



**SEKIAN, TERIMA KASIH**



## MAKLUM BALAS

### PENGAUDITAN PRESTASI TERHADAP PENGURUSAN PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIK TARAF SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH *INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM* (IBS) DI BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.1.      | PRESTASI PROJEK                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.1.1.    | Pencapaian Fizikal Projek                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.1.1.a.  | <p>Analisis Audit terhadap tempoh pelaksanaan projek berbanding tempoh projek sepatutnya disiapkan berdasarkan kontrak mendapati hanya 118 (22.1%) projek berjaya disiapkan mengikut jadual asal, manakala baki 416 (77.9%) projek lewat disiapkan. Daripada 416 projek tersebut status terkini setakat 31 Ogos 2018 mendapati sebanyak 101 projek telah siap dan 315 projek masih dalam pembinaan. Butiran lanjut adalah seperti <b>Jadual 3</b> dan <b>Carta 1 dalam Pemerhatian Audit</b>.</p> | <p>Walaupun sekolah daif dilaksanakan di seluruh negara dengan skop dan kompleksiti yang berbeza di setiap lokasi, namun tempoh penyiapan adalah hampir sama iaitu daripada 3 ke 4 bulan. Beberapa faktor telah dikenalpasti yang menyebabkan kelewatan pembinaan beberapa sekolah adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i) lokasi projek terpencil dan kesukaran akses ke tapak projek,</li> <li>ii) kawasan sekolah yang sempit dan berkontur,</li> <li>iii) keadaan mukabumi yang berair, 'water table' yang tinggi,</li> <li>iv) permintaan daripada pihak sekolah untuk menghentikan kerja di tapak dengan alasan seperti terdapat peperiksaan dan pilihan raya,</li> <li>v) kelewatan mendapat peruntukan dan bayaran kepada kontraktor,</li> <li>vi) masalah pengurusan dan keupayaan kontraktor dalam mendapatkan pekerja dan bahan binaan,</li> <li>vii) masalah bekalan bahan binaan kerana tender dipanggil serentak.</li> </ul> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.1.1.b   | ii. Setakat 31 Ogos 2018, sebanyak 32 (34%) projek (14 di bawah KPM dan 18 di bawah JKR) masih belum siap dengan peratus kelewatan antara 0.4% hingga 95%. Projek yang masih mengalami peratus kelewatan melebihi 50% adalah enam (6) projek di bawah KPM di antara 62% hingga 95% dan dua (2) projek di bawah JKR iaitu 51% dan 67%. Selain itu, dua (2) projek bagi tahun 2017 di bawah KPM iaitu SMK Jalan Kebun dan SMK Kota Kemuning, Selangor mengalami kelewatan yang paling lama dengan kelewatan masing-masing 90% dan 95%.                                             | JKR Kedah ( SK Naka & SK Padang Terap)<br><br>- Dua (2) sekolah ini dilaksanakan oleh Kontraktor gred G5 yang dipilih secara tender terbuka mengikut had nilai. Kontraktor ini bergantung sepenuhnya kepada bayaran interim projek. Kelewatan peruntukan menyebabkan projek ini mengalami kelewatan yang banyak (berbeza dengan projek lain dipilih secara tender terhad di kalangan Kontraktor gred G6 & G7). |
|           | iii. Berdasarkan projek tahun 2016 tiga (3) sekolah yang telah siap tetapi masih belum dikeluarkan CPC, manakala bagi projek tahun 2017 adalah tujuh (7) sekolah dan bagi projek tahun 2018 pula adalah dua (2) sekolah.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | 2 sekolah di SABAH Tahun 2018<br><br>- CPC untuk pakej hanya akan dikeluarkan setelah semua 4 sekolah dalam pakej tersebut siap                                                                                                                                                                                                                                                                                |
|           | iv. Analisis Audit mendapati <i>Liquidated Ascertained Damages</i> (LAD) berjumlah RM2,066,740.76 sepatutnya dikenakan disebabkan kelewatan penyediaan projek. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati potongan LAD masih belum dibuat.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | JKR Kelantan<br>Potongan LAD masih belum dibuat disebabkan:<br><br>- Pakej 15 - dalam proses EOT<br>- Pakej 17- LAD sepatutnya dipotong pada interim seterusnya (diaudit pada interim ke-5, LAD pada interim ke-6)<br>- Pakej 18 - LAD sepatutnya dipotong pada interim seterusnya (diaudit pada interim ke-3, LAD pada interim ke-5)<br>- Pakej 21 - dalam proses EOT                                         |
|           | v. Lawatan Audit pada 16 dan 17 Ogos 2018 di SK Petagas dan SK Pekan Tamparuli, Sabah mendapati status kemajuan kerja yang dilaporkan oleh perunding yang sama iaitu 68.1% dan 46.5% adalah tidak benar. Berdasarkan penelitian fizikal terhadap kerja pembinaan yang dilaksanakan dengan pengesahan pegawai teknikal Jabatan Audit Negara mendapati peratus kemajuan kerja yang sebenar adalah masing-masing di antara 45% hingga 50% berbanding 68.1% dan di antara 15% hingga 20% berbanding 46.5%. Status fizikal semasa lawatan Audit adalah seperti di <b>Gambar 1</b> dan | <b>KPM</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
|           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |

| PERENGKAN  | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | MAKLUM BALAS |
|------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
|            | <p><b>Gambar 2 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> <p>Butiran lanjut seperti di <b>Jadual 4 dalam Permerhatian Audit.</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |              |
| 6.1.1.c.i  | <p><b><u>Kesesuaian Modul Reka dan Bina Bagi Tempoh Projek yang Singkat Dalam Masa Tiga (3) Atau Empat (4) Bulan</u></b></p> <p>Hasil lawatan Audit ke 12 sekolah di Sabah bagi pelaksanaan projek tahun 2018 mendapati berlaku kelewatan penyiapan selama antara 3 hari (2.5%) hingga 89 hari (98.9%) berbanding tempoh kontrak asal selama 90 hingga 120 hari. Semakan lanjut terhadap permohonan EOT mendapati kontraktor telah memohon penangguhan kerana kelewatan memiliki tapak disebabkan perubahan dalam tapak binaan dan reka bentuk yang telah mengambil masa antara 19 hingga 112 hari. Butiran lanjut kemajuan projek bagi 12 sekolah di Sabah dan permohonan EOT oleh pihak kontraktor disebabkan faktor perubahan tapak binaan dan reka bentuk adalah seperti di <b>Jadual 6 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> | KPM          |
| 6.1.1.c.ii | <p><b><u>Bilangan Sekolah Yang Ditawarkan Kepada Kontraktor</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Analisis selanjutnya mendapati penawaran bilangan sekolah setiap kontraktor di Sabah bagi projek di bawah KPM tahun 2018 adalah tinggi di mana tujuh (7) daripada sembilan (9) kontraktor ditawarkan tujuh (7) hingga 16 sekolah berbanding dengan penawaran oleh JKR iaitu antara satu (1) hingga empat (4) sekolah. Butiran lanjut seperti di <b>Jadual 8 dalam Pemerhatian Audit.</b></li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | KPM          |
|            | <ul style="list-style-type: none"> <li>• Semakan selanjutnya mendapati status kemajuan kerja setakat 31 Ogos 2018 di bawah KPM mengalami kelewatan bagi kesemua 83 projek dengan status kemajuan kerja bagi 40 (48.2%) projek adalah kurang daripada 60% dan baki 43 (51.8%) projek adalah antara 60% hingga &lt; 100%. Manakala bagi projek JKR pula kesemua 37 projek telah melebihi 80% status kemajuan kerja dengan 20 (54.1%) daripadanya telah 100% siap. Butiran lanjut adalah</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | KPM          |

| PERENGKAN      | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | MAKLUM BALAS |
|----------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
|                | <p>seperti di <b>Jadual 9 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> <p>Pada pendapat Audit, penetapan pelaksanaan projek menggunakan kaedah IBS dengan tempoh masa yang singkat iaitu tiga (3) hingga empat (4) bulan adalah sesuai bagi skop pembinaan sahaja dan bukannya bagi keseluruhan rangkaian pelaksanaan projek yang juga melibatkan pra pembinaan iaitu skop perancangan meliputi memuktamadkan tapak dan mereka bentuk yang menjadi antara sebab utama kelewatan bagi 416 (77.9%) daripada kesemua 534 projek. Ini dibuktikan dengan kelulusan S.O. terhadap EOT di mana 17 (85%) daripada 22 EOT diluluskan adalah berkaitan dengan masalah ini. Selain itu, kelewatan juga berlaku disebabkan oleh penetapan kaedah pembinaan iaitu secara reka dan bina yang akan melibatkan skop kerja untuk mereka bentuk struktur bangunan yang khusus dan berbeza antara lain-lain pakej (perunding yang berbeza) dan setiap reka bentuk ini perlu memperoleh persetujuan agensi pelaksana sebelum pelaksanaan projek. Di samping itu, penawaran bilangan projek yang banyak kepada satu (1) kontraktor juga boleh menjejaskan kemajuan kerja.</p> <p>Dengan itu disyorkan penetapan tempoh masa penyiapan projek selama 3 hingga 4 bulan dikaji untuk disesuaikan dengan keseluruhan tempoh rangkaian pelaksanaan projek serta lain-lain permasalahan yang boleh mempengaruhi tempoh pelaksanaan projek.</p> |              |
| <b>6.1.2.</b>  | <b>Pencapaian Outcome Projek</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |              |
| <b>6.1.2.b</b> | Semakan Audit mendapati setakat 31 Ogos 2018, daripada keseluruhan 534 projek, sebanyak 223 (41.8%) projek telah dikeluarkan CPC. Bagaimanapun, KPM tidak dapat mengemukakan maklumat mengenai bilangan projek yang telah                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>KPM</b>   |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | MAKLUM BALAS                                                                                                                                          |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | digunakan.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                       |
| 6.1.2.c   | Berdasarkan lawatan Audit pada bulan Julai dan Ogos 2018, sebanyak 24 daripada 71 projek telah dikeluarkan CPC/CPO dan sebanyak 20 telah mula digunakan. Bagaimanapun empat (4) daripada 18 projek telah menggunakan bilik darjah bagi tujuan lain seperti bilik guru, stor sukan dan stor kokurikulum. Selain itu, empat (4) projek masih belum diguna antara 30 hari hingga 154 hari walaupun telah siap dibina dan memperoleh CPC/CPO. Butiran lanjut adalaah seperti di <b>Jadual 10 dalam Pemerhatian Audit.</b>                                                                                                               | JKR Selangor & JKR Kedah<br><br>- JKR telah menyerahkan projek seperti skop asal, tetapi perubahan fungsi bilik dilakukan oleh pihak sekolah sendiri. |
| 6.2.      | <b>PENGURUSAN PROJEK</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                       |
| 6.2.1.    | <b>Pencapaian Kewangan Projek</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                       |
| 6.2.1.b   | i. Kos kontrak projek di bawah KPM bagi tahun 2016 berjumlah RM79,675,760 melebihi siling peruntukan yang ditetapkan berjumlah RM73,264,815. Bagaimanapun, setakat 31 Ogos 2018, perbelanjaan yang telah dibuat adalah berjumlah RM63,183,261 iaitu masih di bawah siling peruntukan yang ditetapkan. Kos kontrak melebihi siling peruntukan berlaku juga pada tahun 2017 di mana siling peruntukan adalah sejumlah RM271,000,000 berbanding kos kontrak sejumlah RM274,128,150. Ketidakpatuhan ini memberi risiko kepada kekangan aliran tunai Kerajaan kerana komitmen melalui kontrak telah melebihi had siling yang ditetapkan. | KPM                                                                                                                                                   |
|           | ii. Perbelanjaan bagi tahun 2017 dan 2018 masih rendah iaitu masing-masing 38.5% dan 39.7%. Ini adalah disebabkan perbelanjaan yang dibuat adalah berdasarkan kemajuan kerja di mana projek masih dalam pelaksanaan dan belum siap sepenuhnya. Bagi tahun 2017 hanya 65 daripada 120 projek telah disiapkan sepenuhnya manakala bagi tahun 2018 kesemua projek masih belum disiapkan sepenuhnya.                                                                                                                                                                                                                                    | KPM                                                                                                                                                   |
|           | iii. Namun, semakin terhadap projek di bawah JKR bagi tahun 2017 mendapati peratusan perbelanjaan adalah sangat rendah berbanding bilangan projek                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | JKR Sabah<br><br>Projek dilaksana oleh JKR Sabah di bawah KPM                                                                                         |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|-----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | <p>yang telah disiapkan iaitu peratusan perbelanjaan adalah 20.2% berbanding 51 daripada 54 projek yang telah disiapkan sepenuhnya.</p> <p>Butiran lanjut analisis Audit adalah seperti di <b>Jadual 14 dalam Pemerhatian Audit.</b></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
| 6.2.1.c   | <p>Analisis Audit selanjutnya dibuat terhadap anggaran perbelanjaan yang sepatutnya dibayar kepada kontraktor berdasarkan peratus kemajuan kerja sebenar di tapak setakat 31 Ogos 2018. Perbandingan di antara peratus perbelanjaan (bayaran kepada kontraktor) dengan peratus keseluruhan kemajuan kerja bagi projek tahun 2017 dan 2018 menggambarkan ketidakseimbangan (<i>non-equilibrium</i>). Ini adalah berdasarkan perkiraan peratus jumlah bayaran kepada kontraktor berdasarkan kos kontrak iaitu 38.5% bagi projek tahun 2017 dan 35.1% bagi projek tahun 2018 berbanding dengan peratus keseluruhan kemajuan kerja bagi projek tahun 2017 iaitu 96.6% dan projek tahun 2018 iaitu 80.8%. Butiran lanjut adalah seperti di <b>Jadual 15 dan Carta 3 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> | <p>Projek tahun 2017 tiada masalah kelewatan bayaran (projek semua telah siap).</p> <p>Bagi projek tahun 2018 terdapat kelewatan peruntukan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Komitmen bayaran kepada kontraktor sehingga 27hb Ogos 2018 bagi projek di Semenanjung dan Sabah telah mencecah sehingga melebihi RM89 juta.</li> <li>Ini disebabkan waran peruntukan kewangan telah disalurkan secara berperingkat-peringkat oleh KPM dan jumlah yang disalurkan tidak sepertimana yang dimohon.</li> <li>Memandangkan tempoh kontrak bagi projek ini adalah pendek iaitu antara 3 ke 4 bulan, maka waran peruntukan yang diterima dalam sesuatu masa tidak dapat menampung komitmen bayaran berdasarkan kemajuan kerja yang berterusan meningkat</li> <li>Bayaran interim kepada kontraktor tertangguh dari semasa kesemasa memberi kesan terhadap prestasi kerja kontraktor dan seterusnya telah menyumbang kepada kelewatan projek.</li> </ol> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                           | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.2.1.d   | <p>iii. Sebanyak 22 (68.8%) daripada 32 baucar lewat diperakukan oleh S.O. antara satu (1) hingga 57 hari.</p>                           | <p>JKR Selangor</p> <p>Sepatutnya tempoh tuntutan kontraktor adalah daripada tarikh penerimaan surat tuntutan dan bukannya berdasarkan kepada tarikh surat tuntutan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Berdasarkan kepada Syarat-syarat Kontrak Klausula 28.2 (Addendum No. 1), perakuan bayaran (sijil perakuan bayaran) perlu diperakukan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh <b>penerimaan</b> permohonan/tuntutan kontraktor.</li> <li>ii. Berdasarkan semakan semula, kesemua empat (4) perakuan bayaran lewat diperakukan yang dibangkitkan sebenarnya masih dalam tempoh 14 hari daripada tarikh permohonan/tuntutan bayaran oleh kontraktor.</li> <li>iii. Tempoh yang dikira berdasarkan kepada tarikh surat kontraktor mengemukakan permohonan/tuntutan bayaran adalah tidak bertepatan dengan klausula 28.2 (Addendum No. 1) tersebut.</li> </ul> <p>JKR Kelantan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Disebabkan tiada peruntukan, baucer tidak dapat disediakan selepas diperakukan oleh pihak S.O.</li> <li>ii. Tuntutan kontraktor tidak lengkap menyebabkan tuntutan bayaran lewat diproses.</li> </ul> |
|           | <p>iv. Sebanyak 47 (71.2%) daripada 66 baucar lewat disediakan bayaran daripada tarikh perakuan S.O. antara satu (1) hingga 97 hari.</p> | <p>JKR Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Disebabkan tiada peruntukan, baucer tidak dapat disediakan selepas diperakukan oleh pihak S.O.</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  | <p>JKR Kedah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Maklumat e-Perolehan kontraktor tidak lengkap</li> <li>ii. Disebabkan tiada peruntukan, baucer tidak dapat disediakan selepas diperakukan oleh pihak S.O.</li> <li>iii. Tuntutan kontraktor tidak lengkap menyebabkan tuntutan bayaran lewat diproses.</li> </ul> <p>JKR Kelantan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Disebabkan tiada peruntukan, baucer tidak dapat disediakan selepas diperakukan oleh pihak S.O.</li> </ul> |
|           | <p>v. Sebanyak 56 (84.8%) daripada 66 baucar mengalami kelewatan bayaran kepada kontraktor antara satu (1) hingga 97 hari melibatkan amaun bayaran di antara RM53,274 hingga RM5,210,449. Pihak Audit tidak dapat menganalisa jumlah keseluruhan hari kelewatan bagi baki sepuluh (10) baucar kerana tiada maklumat tarikh terima tuntutan kontraktor walaupun tiada kelewatan yang berlaku di antara tarikh perakuan S.O. dengan tarikh baucar.</p> <p>Butiran lanjut analisis Audit terhadap proses bayaran adalah seperti di <b>Jadual 16 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> <p><b>Pada pendapat Audit, pengurusan kewangan berkaitan dengan perbelanjaan iaitu bayaran kepada kontraktor adalah tidak cekap.</b></p> <p><b>Dengan itu disyorkan semakan dibuat terhadap punca kos kontrak melebihi siling peruntukan yang diluluskan, agensi pelaksana mengkaji keperluan sebenar peruntukan dengan menjadualkan semula unjuran perbelanjaan berdasarkan kontrak dan kemajuan kerja serta meningkatkan</b></p> | <p>Tarikh terima tuntutan kontraktor tiada maklumat disebabkan JKR memutuskan untuk membuat penilaian setiap minggu/dua (2) minggu sekali tanpa menunggu tuntutan kontraktor.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | MAKLUM BALAS |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
|           | kecekapan dalam proses bayaran bagi mengelakkan kelewatan bayaran kepada kontraktor.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |              |
| 6.2.2.    | Perancangan Projek - Kelewatan Mendapatkan Kelulusan Kebenaran Merancang                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |              |
| 6.2.2.b   | <p>i. Proses memperoleh kelulusan KM bagi dua (2) sekolah di negeri Selangor yang dilaksanakan oleh KPM pada tahun 2017 iaitu SMK Kota Kemuning dan SMK Jalan Kebun mengambil masa 6 dan 7 bulan sehingga menyebabkan projek lewat dimulakan. Mengikut kontrak, tempoh pembinaan sepatutnya mengambil masa selama 3 bulan bermula daripada 13 November 2017 hingga 13 Januari 2018. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 12 Julai 2018 di SMK Kota Kemuning dan 9 Ogos 2018 di SMK Jalan Kebun mendapati kemajuan projek di tapak masing-masing hanya pada kadar 5% dan 10% sahaja. Kerja-kerja di tapak yang telah dilaksanakan oleh kontraktor hanya melibatkan pemasangan pagar keselamatan (<i>hoarding</i>) seperti di <b>Gambar 3</b> dan <b>Gambar 4 dalam Pemerhatian Audit</b>. Semakan Audit mendapati, walaupun urusan permohonan KM telah mula dibuat pada peringkat awal, namun permohonan KM hanya dikemukakan kepada Majlis Bandar Raya Shah Alam (MBSA) pada 4 April 2018 iaitu dalam lingkungan 3 bulan selepas tarikh projek sepatutnya disiapkan pada 13 Januari 2018. Kronologi urusan permohonan KM adalah seperti <b>Jadual 16 dalam Pemerhatian Audit</b>.</p> | KPM          |
|           | <p>ii. Semakan lanjut mendapati, isu kelewatan kelulusan KM ini juga berlaku kepada projek lain di negeri Selangor dan Kedah. Analisis Audit terhadap tujuh (7) projek di negeri Selangor dan Kedah mendapati KM mengambil masa antara tiga (3) hingga tujuh (7) bulan untuk diluluskan di mana ia adalah melebihi tempoh penyiapan projek yang telah ditetapkan oleh KPM dan JKR iaitu tiga (3) hingga empat (4) bulan. Dengan tempoh amalan kelulusan KM ini, projek pembinaan sekolah daif yang perlu mendapat</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | KPM          |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | kelulusan KM terlebih dahulu sebelum memulakan kerja di tapak akan akhirnya mengambil masa yang lebih lama untuk disiapkan dan sasaran tempoh penyiapan yang ditetapkan iaitu tiga (3) hingga empat (4) bulan tidak dapat dicapai. Butiran lanjut permohonan dan kelulusan KM bagi projek yang dilaksanakan oleh KPM tahun 2017 di negeri Selangor dan Kedah adalah seperti di <b>Jadual 17 dalam Pemerhatian Audit..</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
| iii.      | <p>Semakan terhadap projek tahun 2018 di bawah JKR mendapati permohonan KM masih belum dikemukakan bagi kesemua 50 projek di negeri Selangor dan Kedah walaupun terdapat projek yang telah siap dan digunakan oleh pihak sekolah. Semakan Audit di negeri Selangor mendapati urusan awalan permohonan KM bagi kesemua sekolah mula dibuat oleh JKR Negeri Selangor pada bulan April 2018 iaitu satu bulan selepas projek dimulakan pada 7 Mac 2018. Bagaimanapun, setakat tarikh pengauditan pada 6 Ogos 2018 permohonan kelulusan KM kepada PBT yang berkaitan masih belum dikemukakan. Kronologi urusan permohonan KM yang dibuat oleh JKR Negeri Selangor adalah seperti di <b>Jadual 18 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> <p>Manakala di negeri Kedah, perbincangan antara JKR Negeri Kedah dengan PLAN Kedah telah mula diadakan pada 14 Mei 2018. Bagaimanapun, permintaan maklumat asas daripada JKR Daerah untuk JKR Negeri Kedah menyediakan permohonan KM hanya diedarkan pada 4 Julai 2018 iaitu selepas tarikh patut siap (5 Jun 2018) bagi 26 daripada 34 projek. Setakat tempoh pengauditan pada 30 Ogos 2018, proses pengumpulan maklumat daripada JKR Daerah masih belum selesai.</p> <p><b>Pada pendapat Audit, pembinaan projek di bawah KPM telah mengalami <i>time overrun</i> yang disebabkan oleh keperluan mendapatkan kelulusan KM sebelum memulakan projek. Kelewatan ini yang disebabkan oleh tempoh masa kontrak yang singkat tidak mengambil kira tempoh masa</b></p> | <p>i. JPBD (Plan Malaysia) telah memaklumkan kepada semua JPBD Negeri (Plan Malaysia Negeri) supaya memberi komitmen dan kerjasama kepada JKR.</p> <p>ii. Berdasarkan arahan tersebut, JPBD Negeri telah memberi kelonggaran untuk JKR mengemukakan permohonan KM semasa pembinaan/siap.</p> <p>Nota : Cabutan Minit Mesyuarat JPP PLAN Malaysia Bil.1/2018 pada 23 Mac 2018.</p> |

| PERENGKAN      | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |
|----------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|                | <p>proses memperoleh kelulusan KM.</p> <p>Dengan itu disyorkan perancangan untuk menetapkan tempoh kontrak hendaklah mengambil kira keseluruhan proses yang terlibat sebelum fasa pembinaan. Selain itu, JKR hendaklah memastikan permohonan kelulusan KM dikemukakan pada awal pelaksanaan dengan kadar segera walaupun mendapat kelonggaran untuk memulakan projek memerlukan kelulusan KM terlebih dahulu</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| <b>6.2.3.</b>  | <b>Pelantikan Kontraktor Yang Tidak Layak Dipertimbangkan</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| <b>6.2.3.b</b> | <p>Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan A JKR telah melantik Mega Sasa Sdn. Bhd. Sebagai kontraktor bagi projek Pembinaan Semula Dan Menaik Taraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah IBS Di Semenanjung Malaysia (Fasa 1) Tahun 2018 Bagi Negeri Kedah – Pakej lima (5) (Daerah Pendang) dengan kos kontrak bernilai RM7,536,399.10 melibatkan lima (5) sekolah walaupun Jawatankuasa Penilaian mengesyorkan bahawa kontraktor tersebut “tidak layak dipertimbangkan” kerana telah gagal pada penilaian Awal/Peringkat Pertama disebabkan mempunyai dua (2) projek sakit yang seterusnya tidak dinilai di peringkat kedua.</p>                                                                                                                                 | <p>Lembaga Perolehan JKR telah meneliti maklumat berkenaan dan mendapati Petender 1/6 (Mega Sasa Sdn. Bhd.) lulus penilaian tender serta menawarkan harga terendah dan berada dalam julat yang layak diperakukan iaitu 9.89% lebih tinggi dari Anggaran Jabatan.</p> <p>Petender-petender lain menawarkan harga yang terlalu tinggi dan melebihi 15% daripada harga Anggaran Jabatan iaitu dalam lingkungan 48.30% hingga 69.22% lebih tinggi daripada Anggaran Jabatan.</p> |
| <b>6.2.3.d</b> | <p>Semakan Audit terhadap status pelaksanaan projek di bawah pakej 5 tersebut mendapati sejumlah 44 Laporan Ketidakpatuhan/Non Compliance Report (NCR) telah dikeluarkan kepada Mega Sasa Sdn. Bhd. meliputi kesemua lima (5) sekolah. Daripada 44 NCR tersebut, sebanyak 29 belum diambil tindakan pembaikan bagi tempoh masa antara 13 hingga 142 hari setakat tarikh lawatan Audit 30 Ogos 2018. Semakan lanjut terhadap 15 NCR yang telah diambil tindakan pembaikan mendapati kontraktor telah mengambil masa yang lama antara 51 hingga 141 hari berbanding tempoh kontrak iaitu 3 bulan (90 hari). Kelewatan ini telah menjejaskan pengeluaran CPC bagi kesemua sekolah di dalam pakej berkenaan. Butiran lanjut Laporan NCR dan status tindakan oleh</p> | <p>JKR Kedah</p> <p>JKR telah mengambil tindakan susulan terhadap kelewatan kontraktor menutup NCR dengan mengeluarkan surat peringatan, pemantauan melalui mesyuarat tapak, membuat lawatan pemeriksaan dan lain-lain.</p>                                                                                                                                                                                                                                                  |

| PERENGKAN      | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | MAKLUM BALAS |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
|                | <p>kontraktor adalah seperti di <b>Jadual 19 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> <p><b>Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor yang tidak disyorkan oleh Jawatankuasa Penilaian berasaskan projek sakit yang sedia ada di bawah kontraktor berkenaan adalah satu keputusan yang tidak wajar oleh Lembaga Perolehan walaupun kontraktor tersebut menawarkan harga yang paling rendah. Pelantikan kontraktor yang tidak berwibawa turut menjejaskan pelaksanaan projek dari segi kualiti, kesesuaian, kesempurnaan dan keselamatan serta telah melewati penyediaan projek sehingga 80 hari.</b></p> <p><b>Dengan itu disyorkan siasatan terhadap keputusan Lembaga Perolehan dilaksanakan. Di samping itu, S.O. hendaklah memastikan semua baki NCR diambil tindakan supaya projek dapat disiapkan dengan kadar segera.</b></p>                                                                         |              |
| <b>6.2.4.</b>  | <b>Pentadbiran Kontrak</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            |              |
| <b>6.2.4.a</b> | <p><b><u>Tarikh Masuk Tapak Sebelum Surat Setuju Terima Dikeluarkan</u></b></p> <p>ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah memasuki tapak dan memulakan kerja pembinaan 36 hari lebih awal sebelum SST dikeluarkan bagi SK Sungai Ladong, Simunjan dan SK Pinang, Samarahan dengan kos projek berjumlah RM5.97 juta. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti kelulusan khas diberikan kepada kontraktor untuk memasuki tapak. Tarikh kontraktor memasuki tapak adalah pada 9 Mac 2016 manakala tarikh SST dikeluarkan adalah pada 14 April 2016 [no. rujukan KPMSP.BPPA.S.400-10/9/5(34)] dan tarikh siap projek yang ditetapkan dalam SST adalah pada 26 Mei 2016. Bagaimanapun, projek telah siap dibina pada 8 April 2016 dan 14 April 2016 masing-masingnya iaitu sebelum atau pada tarikh SST dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti di <b>Jadual 20 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> | <b>KPM</b>   |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.2.4.b   | <p><b><u>Bon Pelaksanaan Tidak Meliputi Tempoh Sepatutnya</u></b></p> <p>ii. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan bagi tiga (3) kontrak tidak meliputi tempoh yang mencukupi antara tujuh (7) hingga 411 hari. Selain itu, nilai bon untuk kontrak pakej 31 di Selangor bagi tahun 2018 yang dikemukakan oleh kontraktor iaitu berjumlah RM86,274 adalah kurang berbanding yang sepatutnya berjumlah RM88,653. Nilai bon yang kurang adalah RM2,379. Manakala bagi kontrak pakej satu (1) di Sabah terlebih nilai bon sejumlah RM5,000. Butiran lanjut adalah seperti di <b>Jadual 21 dalam Pemerhatian Audit.</b></p> | <p>JKR Selangor</p> <p>Bagi tempoh yang tidak mencukupi, pihak JKR Selangor telah mengeluarkan surat kepada kontraktor untuk melanjutkan tempoh sahlaku Bon Pelaksanaan sehingga 15 Mei 2020 dan ianya telah dikeluarkan pada 15 Ogos 2018.</p> <p>Bagi isu nilai Bon Pelaksanaan yang kurang, semakan semula Nilai Bon Pelaksanaan adalah RM86,274 bukannya RM88,653.</p>                                                      |
| 6.3.4.c   | <p><b><u>Polisi Insurans Tanggungan Awam/Insurans Pampasan Pekerja/Insurans Kerja Tidak Meliputi Tempoh Kontrak</u></b></p> <p>ii. Semakan Audit terhadap polisi insurans bagi semua projek yang dilawati mendapati Polisi Insurans Tanggungan Awam bagi satu (1) kontrak tidak dilanjutkan sehingga tempoh sepatutnya iaitu kurang 44 hari. Butirannya adalah seperti di <b>Jadual 22 dalam Pemerhatian Audit.</b></p>                                                                                                                                                                                                   | <p>JKR Kedah</p> <p>Pegawai Penguasa telah mengarahkan kontraktor utama untuk membuat lanjutan tempoh insuran melalui audit naziran.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
| 6.2.4.d   | <p><b><u>Time is at Large</u></b></p> <p>Semakan Audit mendapati 20 pakej dan 4 sekolah telah berlaku time is at large antara 9 hingga 207 hari disebabkan kelewatan mengeluarkan EOT atau CNC. Keadaan ini boleh menyebabkan Kerajaan kehilangan hak untuk menetapkan tempoh penyediaan kontrak dan hak di bawah syarat kontrak yang berkaitan dengannya. Butiran lanjut adalah seperti di <b>Jadual 23 dalam Pemerhatian Audit.</b></p>                                                                                                                                                                                 | <p>JKR Kedah</p> <p>PP tidak mengeluarkan CNC (LAD tidak dipotong) disebabkan permohonan EOT masih dalam pertimbangan (telah diperakukan ke Jawatankuasa EOT). Selepas disahkan EOT tidak lulus, Pegawai Penguasa telah mengeluarkan CNC bertarikh 5 Jun 2018</p> <p>JKR Kelantan</p> <p>Tindakan telah diambil dengan mengeluarkan CNC pada 25 Julai 2018 (Nukima Sdn. Bhd.) dan 26 Julai 2018 (Serasi Ventures Sdn. Bhd.)</p> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 6.2.4.e   | <p><b><u>Justifikasi Kelulusan EOT</u></b></p> <p>i. Analisis Audit berdasarkan projek yang dilawati mendapati sebanyak 22 bilangan EOT telah di luluskan meliputi tempoh antara dua (2) hingga 102 hari bagi 19 pakej projek. Secara keseluruhannya 17 justifikasi EOT meliputi tempoh antara enam (6) hingga 102 hari boleh dielakkan jika perancangan yang teliti dibuat di awal pelaksanaan projek iaitu di peringkat pra pembinaan. Butiran lanjut analisis EOT dan ulasan Audit terhadap kemunasabahan justifikasi adalah seperti di <b>Jadual 24 dalam Pemerhatian Audit..</b></p>                                                                                                                              | <p>Walaupun perancangan teliti telah dibuat di awal perancangan projek, terdapat faktor di luar kawalan yang membenarkan EOT seperti:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pengalihan utiliti tidak sempat dilaksanakan disebabkan tempoh perancangan yang singkat.</li> <li>ii. Siasatan tanah (JKR Probe) tidak dapat dibuat di tapak sebenar disebabkan bangunan sediaada hanya boleh dirobuhkan sewaktu pembinaan.</li> <li>iii. Kekurangan bekalan bahan akibat semua projek dilaksanakan serentak pada waktu yang sama.</li> <li>iv. Permohonan pelanggan untuk tukar lokasi bangunan yang telah dipersetujui pada peringkat perancangan (keputusan pelanggan berubah-ubah)</li> </ul> <p>JKR telah diarahkan untuk mengeluarkan SST dalam tempoh yang singkat berdasarkan arahan MOF melalui surat rujukan S/K.KEW/PK/KPM/D/00 JLD.4SK.1(13) bertarikh 17 Januari 2018 (arahan dalam tempoh yang singkat ini memberi kesan dalam perancangan JKR)</p> |
|           | <p>ii. Semakan Audit mendapati kelulusan EOT bagi sesebuah sekolah yang mengalami kelewatan pelaksanaan projek diberi EOT secara <i>blanket approval</i> bagi kesemua sekolah yang terlibat dalam satu (1) pakej. Ini menyebabkan sekolah yang sebenarnya tidak mengalami kelewatan berisiko tinggi untuk lewat disiapkan. Ini adalah kerana sekolah yang tidak terlibat dalam kelewatan pada asalnya tetapi turut diberi EOT bersekali dengan sekolah yang sebenarnya mengalami kelewatan.</p> <p><b>Pada pendapat Audit, ketidakpatuhan peraturan pentadbiran kontrak dan kelemahan dalam pemantauan projek meningkatkan risiko kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Ia sepatutnya</b></p> | <p>Bagi kontrak yang bukan dilaksana secara <i>Sectional Completion</i>, pemberian lanjutan masa yang dikeluarkan berdasarkan alasan bagi 1 sekolah terpakai untuk keseluruhan kontrak disebabkan kontrak ditadbir secara satu pakej untuk kesemua sekolah.</p> <p>Untuk makluman, bagi kontrak yang dilaksana secara <i>Sectional Completion</i> bagi satu sekolah, EOT akan diberikan untuk sekolah tersebut sahaja.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |
|-----------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | <p>boleh dielakkan bagi menjamin kepentingan Kerajaan dan pencapaian keberkesanan projek.</p> <p>Dengan itu disyorkan agensi pelaksana memastikan pentadbiran kontrak diurus dengan teratur dengan meningkatkan mekanisme pemantauan.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6.2.5.    | Pengurusan Pembinaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6.2.5.a   | <p><b><u>Kerja Di Luar Skop</u></b></p> <p>ii. Semakan Audit mendapati 11 kerja pembinaan dataran kejut berjumlah RM1,488,090 di Kelantan dan Selangor oleh JKR bagi tahun 2018 adalah di luar skop. Antara sebab pembinaan ini dilaksanakan adalah atas permintaan sekolah bagi menyediakan tempat khusus untuk aktiviti luaran pelajar. Semakan Audit terhadap projek di Kelantan berdasarkan perbandingan kadar harga di antara pakej projek yang berlainan tetapi dengan kualiti kerja yang sama mendapati perbezaan kadar harga adalah amat ketara iaitu RM125/m<sup>2</sup> dengan RM400/m<sup>2</sup>. Butiran lanjut kerja pembinaan dataran kejut adalah seperti di <b>Jadual 26</b> dan <b>Gambar 7</b> hingga <b>Gambar 10 dalam Pemerhatian Audit</b>.</p> | <p>JKR Selangor &amp; Kelantan</p> <p>Skop dataran kejut dimasukkan dalam skop utama kerana selain daripada permintaan pihak sekolah adalah disebabkan atas dasar keselamatan.</p> <p>Kadar harga dalam BQ setiap kontrak adalah berbeza mengikut harga yang dimasuki oleh kontraktor.</p>                                                                                                                                                                                                                                    |
| 6.2.5.b   | <p><b><u>Kualiti Pembinaan</u></b></p> <p>i. <b>Kerja Tidak Ikut Spesifikasi</b></p> <p>Lawatan Audit mendapati sebanyak 86 kerja yang tidak mengikut spesifikasi berjumlah RM915,396.20. Jumlah ini melibatkan harga <i>lump sum</i> dan terdapat perihal kerja tidak dapat diperolehi maklumat kosnya. Daripada 86 ketidakpatuhan tersebut, 46 kerja adalah di bawah KPM manakala 40 kerja di bawah JKR. Butiran lanjut kerja yang tidak mematuhi spesifikasi adalah seperti di <b>Jadual 28</b> dan <b>Gambar 11</b> hingga <b>Gambar 18 dalam Pemerhatian Audit</b>.</p>                                                                                                                                                                                           | <p><b><u>Item 1</u></b></p> <p>Kebenaran penggunaan ketebalan dinding iaitu 9mm - 12mm boleh digunapakai berdasarkan surat Ruj. JKR (CA)11-1/14/PW-SEM./01/001-Jld.3 (8). Pelarasan semula harga akan dibuat bagi mengambil kira perubahan tersebut.</p> <p><b><u>Item 2</u></b></p> <p><i>Folding Door</i> yang dibekalkan adalah bergantung kepada butiran daripada pihak pembekal (<i>manufacturer details</i>) selaras dengan ketetapan dalam lukisan kontrak.</p> <p>Pelarasan harga kontrak akan dibuat sewajarnya.</p> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |
|-----------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           |                | <p><u>Item 3</u><br/>Lukisan litar skematik telah dilekatkan</p> <p><u>Item 4</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 5</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 6</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 7</u><br/>Ukuran 138m tidak termasuk skop tandas</p> <p><u>Item 8</u><br/>Terdapat kekurangan bekalan di pasaran bagi cermin tingkap berketebalan 5mm seperti di dalam lukisan disebabkan tender dipanggil serentak. Pelarasan harga akan dilaksanakan</p> <p><u>Item 9, 10, 11 &amp; 12</u><br/>Pengukuran semula telah dibuat kerana item dibawah item <i>provisional quantity</i></p> <p><u>Item 13 -16</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 17</u><br/>Kontraktor telah mencadangkan penggunaan <i>lightweight steel structure</i> menggantikan kayu keras. S.O telah menilai cadangan dan mendapati penggunaan kerangka <i>lightweight steel structure</i> adalah menguntungkan kepada pihak kerajaan dari segi aspek kos penyenggaraan dan juga ketahanan struktur. Pelarasan harga akan</p> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                               | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           |                                                                                                                                              | <p>dilaksanakan.</p> <p><u>Item 18 - 28</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 29</u><br/>Ukuran <i>white board</i> telah memenuhi kehendak lukisan pembinaan ruj. JKR/CA/LK/02/PK 1a/01. Walau bagaimanapun, Pelarasan semula harga akan dibuat bagi kehendak kontrak.</p> <p><u>Item 30</u><br/>Bilangan bilik darjah adalah sama berdasarkan kepada skop kerja. Pelaksanaan adalah berdasarkan kepada kesesuaian/kekangan di tapak. Bilik darjah yang telah dibina adalah menyamai skop asal kerja. Pelarasan semula harga akan dibuat bagi mengambil kira perubahan blok</p> <p><u>Item 31, 32</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> <p><u>Item 33</u><br/>Bukaan pintu tandas dibolehkan sama ada kiri atau kanan berdasarkan Garis Panduan Reka Bentuk Bilik Air (Kubikel Tandas &amp; Kubikel Mandi) Awam Di Seluruh Negara (JKR 20802-0005-06) iaitu perkara 5.4 Pintu Kubikel. ruj. Lukisan Kontrak : JKR/CA/LK/02/BTS/01</p> <p><u>Item 34 - 40</u><br/>Tindakan pembetulan telah diambil</p> |
|           | <p>ii. <b>Kerja Tidak Berkualiti, Tidak Sesuai, Tidak Sempurna</b><br/>Lawatan Audit ke 94 sekolah mendapati berlaku 33 kerja yang tidak</p> | <p><u><b>Jadual 29</b></u></p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | MAKLUM BALAS                                                                                                                                                                                                                                                                                            |
|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|           | berkualiti, 13 kerja yang tidak sesuai dan 5 kerja yang tidak sempurna. Perkara ini berlaku disebabkan kelemahan dalam pemantauan projek oleh S.O. atau wakil S.O. beserta perunding yang dilantik. Penjelasan lanjut terhadap setiap kategori kelemahan ini adalah seperti di <b>Jadual 29</b> hingga <b>Jadual 31</b> dan <b>Gambar 19</b> hingga <b>Gambar 57</b> dalam <b>Pemerhatian Audit</b> .                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | <u>Item 1 – 6, 8 – 17.</u><br>Tindakan pembetulan telah diambil<br><b>Jadual 30</b><br>Semua item telah diambil tindakan pembetulan<br><br><b>Jadual 31</b><br>i. Item 1 akan diambil tindakan<br>ii. Item 2 tindakan oleh pihak SESB<br>iii. Item 3 & 4 & 5 telah diambil tindakan pembetulan          |
| 6.2.5.c.  | <p><b><u>Keselamatan Di Tapak Projek/Bilik Darjah</u></b></p> <p>Lawatan Audit mendapati elemen keselamatan tidak diberi perhatian yang seterusnya boleh menjejaskan keselamatan pelajar dan guru. Antara isu keselamatan adalah seperti <i>hoarding</i> tidak dipasang, <i>Electrical Distribution Board</i> dipasang di dalam bilik darjah, <i>Electrical Main Switch Board</i> dipasang di lokasi yang rendah dan mudah disentuh oleh pelajar serta bilik darjah telah mula digunakan sebelum CPC dikeluarkan. Butiran lanjut adalah seperti di <b>Jadual 32</b> dan <b>Gambar 58</b> hingga <b>Gambar 66</b> dalam <b>Pemerhatian Audit</b>.</p> <p>Pada pendapat Audit, pengurusan pembinaan adalah tidak cekap dan tidak berkesan. Kelemahan yang dibangkitkan tidak sepatutnya berlaku jika kontraktor dan perunding melaksanakan peranannya sepertimana yang dikehendaki dalam kontrak serta S.O. dan wakilnya melaksanakan pemantauan secara lebih berkesan.</p> <p>Dengan itu disyorkan S.O. dan wakil S.O. berserta perunding memastikan kontraktor segera menyelesaikan semua isu yang dibangkitkan berkenaan ketidakpatuhan spesifikasi projek. Selain itu, KPM bersama-sama JKR hendaklah menyemak semula skop kerja dalam kontrak yang tidak mematuhi kelulusan MoF.</p> | <p><b>Jadual 32</b></p> <p>i. Item 1 – dinding hoarding dibuat bukaan disebabkan untuk laluan jentera dan pemasangan hoarding di antara tapak dan padang telah dibuat.</p> <p>ii. Item 2 – akan dipertimbangkan keperluan ruang DB dalam fasa 2</p> <p>iii. Item 3 &amp; 4 – tindakan telah diambil</p> |

| PERENGKAN | PENEMUAN AUDIT                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | MAKLUM BALAS |
|-----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------|
|           |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |              |
| 6.2.6.    | <b>Pemantauan Projek</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |              |
| 6.3.6.b.  | i. Sebanyak 86 kerja yang bernilai RM915,396.20 tidak mengikut spesifikasi. Selain itu terdapat juga kerja yang dilaksanakan tidak berkualiti, tidak sesuai dan tidak sempurna. Perkara ini dijelaskan dalam <b>Perenggan 6.2.5 dalam Pemerhatian Audit.</b>                                                                                                                                                                                           |              |
|           | ii. peratus kemajuan kerja yang dilaporkan dalam laporan kemajuan adalah berbeza berbanding kemajuan sebenar di tapak projek. Sebagai contoh, peratus kemajuan kerja yang dilaporkan untuk projek di SK Petagas dan SK Pekan Tamparuli, Sabah mendapati berbeza dengan peratus kemajuan kerja sebenar di tapak.                                                                                                                                        |              |
|           | iii. pelaksanaan kerja di tapak tidak selamat seperti dinding keselamatan ( <i>hoarding</i> ) tidak dipasang/tidak dipasang secara menyeluruh.<br><br><b>Pada pendapat Audit, mekanisme pemantauan adalah kurang berkesan disebabkan kelemahan dan kekurangan masih wujud di tapak. Dengan itu disyorkan keberkesanan mesyuarat tapak dipertingkatkan dengan memastikan segala pengurusan projek dibincang secara lebih terperinci dan menyeluruh.</b> |              |